

Introduction

Worldpay, LLC, anak syarikat Fidelity National Information Services Inc, ("FIS"), dan anak-anak syarikatnya dan entiti berkaitan, yang secara kolektif dikenali sebagai Worldpay dari FIS ("Worldpay" atau "kami"), menyedari dan menghormati privasi individu yang maklumat peribadinya dikumpulkan, digunakan dan disimpan dalam menjalankan perniagaan. Kami berkomited untuk memproses maklumat peribadi selaras dengan undang-undang dan peraturan-peraturan privasi termasuk Peraturan Perlindungan Data Umum ("GDPR"), seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini. Di mana kami merujuk kepada maklumat peribadi, ini termasuk "data peribadi" seperti yang ditentukan dalam GDPR dan undang-undang privasi lain yang diperuntukkan di negara-negara dan wilayah-wilayah di mana Worldpay beroperasi.

Notis Privasi ini menjelaskan kepada individu yang mengakses atau menggunakan perkhidmatan Worldpay, termasuk mereka yang berinteraksi dengan laman web, laman web mobil, dan aplikasi kami ("**Laman dan Perkhidmatan**") ("**Anda**"), bagaimakah Worldpay menggunakan maklumat peribadi anda. Ini termasuk pembeli, pedagang Worldpay dan pelanggan Worldpay yang lain yang berdagang sebagai individu, serta pengguna laman web atau aplikasi. Dalam keadaan yang tertentu, anda berhak untuk membantah pemrosesan data peribadi anda dan anda boleh memohon kami untuk menyekat penggunaan data peribadi anda dan memadamkannya. Sila lihat di bahagian "Pilihan dan Hak" untuk maklumat lebih lanjut.

Apabila Worldpay menggunakan kata "pembeli" dalam Notis Privasi ini, ia bermaksud setiap pembeli atau individu yang transaksi pembayarannya berkemungkinan diproses dengan menggunakan Laman dan Perkhidmatan Worldpay.

Notis Privasi ini berskop global tetapi tidak dimaksudkan untuk mengenepikan sebarang hak di sisi undang-undang di mana-mana wilayah di mana hak-hak tersebut akan diutamakan.

Entiti Worldpay yang bertanggungjawab untuk mengumpul, menyimpan atau menggunakan maklumat peribadi anda (iaitu "pengawal" ("controller") di mana GDPR atau Akta Perlindungan Data United Kingdom 2018 adalah terpakai) adalah bergantung kepada mengapa atau bagaimana anda berinteraksi dengan Worldpay dan lokasi anda. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai entiti ini, sila hubungi kami melalui butiran yang dinyatakan di bahagian "Hubungi Kami" di bawah.

Maklumat peribadi yang digunakan oleh Worldpay

Worldpay mengumpul maklumat peribadi yang berkaitan dengan pembeli, pedagang, atau pelanggan lain, untuk menjalankan kegiatan perniagaannya. Worldpay boleh mengumpul maklumat peribadi dari pelbagai sumber, termasuk:

- maklumat yang diberikan kepada kami, sama ada secara langsung atau melalui pedagang kami, atau pelanggan lain;
- maklumat yang dikumpulkan secara automatik semasa anda menggunakan Laman dan Perkhidmatan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada peranan kami sebagai pemproses pembayaran;
- maklumat yang dikumpulkan oleh cookie dan teknologi penjejakan lain semasa anda menggunakan Laman dan Perkhidmatan kami - sila lihat Notis Cookie kami untuk maklumat lebih lanjut mengenai cookies dan teknologi penjejakan lain yang kami gunakan:
 - di FISglobal.com;
 - di Merchant Solutions; dan

- di [Merchant Solutions \(Denmark only\)](#); dan
- maklumat yang dikumpul dari pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada: penyedia perkhidmatan pemantauan penipuan, pangkalan data komersial, atau penyedia perkhidmatan Kenali Pelanggan Anda (KYC).

Maklumat peribadi ini mungkin merangkumi:

- **Maklumat hubungan**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: nama (pertama, akhir, dan perniagaan), nombor telefon, alamat (rumah, pembelian, dan perniagaan), faks, alamat e-mel, dan komunikasi lain;
- **Maklumat demografi**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: kewarganegaraan, negara yang diduduki, tarikh lahir, status perkahwinan, tempat kelahiran, jantina, bahasa pilihan, kewarganegaraan;
- **Maklumat Pengenalan Negara**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: nombor insurans negara, paspot, nombor sekuriti sosial, nombor pengenalan pembayar cukai, lesen memandu atau bentuk pengenalan lain untuk mengesahkan pembeli, pedagang atau pelanggan lain;
- **Pemantauan atau Rakaman**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: pemantauan atau rakaman panggilan telefon, e-mel, sembang web, CCTV, kawalan akses, atau komunikasi lain;
- **Pengenalan Pedagang atau Pelanggan lain**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: ID pedagang atau pelanggan;
- **Pengurusan Pedagang atau Pelanggan yang lain**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: bil, invois, bayaran balik, kedudukan kewangan (termasuk kedudukan hutang), perdamaian dan pelaporan;
- **Maklumat berkaitan dengan barang yang dibeli**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: lokasi pembelian, nilai, waktu, cara, sebarang maklum balas yang diberikan berkaitan dengan pembelian tersebut;
- **Maklumat transaksi pembayaran**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: Kaedah Pembayaran Alternatif ("APM") yang digunakan (misalnya pindahan bank, perkhidmatan pra-bayar, perkhidmatan bayar pos, eWallet dan skema kad tempatan), maklumat pemantauan transaksi dan pemantauan penipuan (misalnya nilai dan jumlah transaksi, skor risiko yang dikaitkan dengan transaksi, kod kategori pedagang, alamat IP dari tempat transaksi dibuat (pilihan), alamat e-mel pembeli (pilihan)), dan analitik atau analisis trend yang berkaitan dengan penjualan atau pembayaran balik pelanggan (termasuk caj balik);
- **Maklumat kewangan dan kad kredit/debit**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: nombor akaun pembayaran (PAN) atau nombor akaun, tarikh luput kad, butiran CVC, butiran bank dan / atau butiran penerbit;
- **Maklumat risiko kredit, risiko penipuan, risiko sanksi dan risiko transaksi**, termasuk tetapi tidak terhad kepada: maklumat yang diperoleh mengenai pelanggan kami dari rujukan kredit atau agensi pencegahan penipuan, termasuk sejarah kredit, skor kredit, dan nama perniagaan, alamat perniagaan dan sebarang ID perniagaan (seperti nombor berdaftar atau nombor cukai nilai tambah /value added tax (VAT)), penyata kewangan untuk pemohon atau syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama dengan pemohon dan maklumat transaksi pembayaran dari aktiviti-aktiviti kami dalam pemantauan penipuan dan transaksi yang berkaitan dengan pelanggan kami, seperti jenis transaksi, nilai dan skor risiko;
- **Maklumat teknikal**, termasuk: alamat IP yang digunakan untuk menyambungkan komputer atau peranti anda ke Internet, ID peranti anda, maklumat log masuk (nama pengguna / kata laluan), jenis dan versi penyemak imbas, tetapan zon waktu, jenis dan versi pemalam penyemak imbas, platform sistem operasi peranti, pembawa mudah alih, lokasi atau GPS / geo-lokasi;

- **Maklumat mengenai lawatan anda atau sama ada anda membuka e-mel**, termasuk: aliran klik Pengesahan Sumber Seragam /Uniform Resource Locators (URL) penuh ke, melalui dan dari laman Worldpay (termasuk tarikh dan masa), produk atau perkhidmatan yang anda lihat atau cari untuk masa tindak balas halaman, ralat memuat turun, tempoh lawatan ke halaman tertentu, maklumat interaksi halaman (seperti penatalan, klik dan gerakan tetikus); cara yang digunakan untuk melayar keluar daripada laman web tersebut, sebarang nombor telefon yang digunakan untuk memanggil nombor perkhidmatan pelanggan Worldpay;
- **Gambar dan video anda**, dari acara Worldpay, misalnya melalui pengesahan identiti;
- **Komen dan pendapat yang boleh diakses secara terbuka** yang disemak dan digunakan oleh Worldpay, melalui carian Internet atau diposkan di laman rangkaian sosial, seperti Facebook dan LinkedIn;
- **Pemahaman** yang diperoleh melalui perhimpunan Worldpay dari sesi yang anda sertai dan menyumbang di acara Worldpay;
- **Siaran media sosial** di laman media sosial Worldpay atau dibuat secara terbuka mengenai Worldpay di media sosial;
- **Maklumat peserta acara** dari acara Worldpay, termasuk tetapi tidak terhad kepada: nama, jawatan, dan syarikat dari aplikasi Worldpay untuk acara tersebut yang disediakan untuk wakil berdaftar; dan
- **Aplikasi**, jika anda memuat turun atau menggunakan aplikasi mudah alih atau desktop, termasuk maklumat mengenai lokasi anda, peranti atau perkhidmatan yang anda gunakan, termasuk tempat transaksi pembayaran berlaku.

Untuk maklumat yang lebih terperinci mengenai tujuan pemprosesan, dan asas undang-undang yang digunakan oleh Worldpay untuk pemprosesan, sila rujuk Lampiran kepada Notis ini.

Perkongsian maklumat peribadi oleh Worldpay

Worldpay boleh membekalkan maklumat peribadi kepada:

- bahagian-bahagian lain dari kumpulan syarikat Worldpay, atau FIS;
- penyedia perkhidmatan pihak ketiga, termasuk penyedia perkhidmatan teknologi maklumat (misalnya untuk pengkomputeran awan), penyedia perkhidmatan risiko, penipuan, dan pematuhan (misalnya untuk pemantauan risiko transaksi); penyedia perkhidmatan hutang (misalnya untuk analisis atau pengurusan kutipan hutang); dan untuk analisis perniagaan (contohnya untuk pengagregatan data, visualisasi dan pelaporan);
- rakan niaga kami, termasuk pemproses pembayaran, penyedia infrastruktur pembayaran, penyedia dompet digital, bank dan institusi kewangan lain;
- pengiklan (di mana perkhidmatan ini dipilih oleh pelanggan Worldpay);
- penasihat undang-undang profesional kami (akauntan, perunding, peguam dan penasihat cukai);
- penguatkuasa undang-undang, pihak berkuasa kawal selia, pihak berkuasa pendakwaan, pihak berkuasa cukai atau pihak berkuasa kerajaan, mahkamah, atau tribunal lain atau badan-badan penyelesaian pertikaian lain;
- bakal penjual atau pembeli sebagai sebahagian daripada penjualan atau penggabungan syarikat, perniagaan atau aset kami; dan
- mana-mana pihak ketiga sejauh mana pendedahan itu diwajibkan oleh undang-undang berkenaan yang terpakai kepada kami.

Oleh kerana Worldpay adalah perniagaan global, penerima-penerima di atas mungkin berpangkalan di peringkat antarabangsa (iaitu berada di negara-negara atau wilayah-wilayah yang berbeza dengan anda), dan sebahagian daripadanya akan berpangkalan di luar Kawasan Ekonomi Eropah atau United Kingdom.

Pemindahan maklumat peribadi antarabangsa

Dalam perjalanan operasi perniagaan global yang biasa, Worldpay memindahkan maklumat peribadi melintasi sempadan ke pelbagai cawangan dan pejabatnya, atau kepada pihak ketiga seperti yang dinyatakan di atas termasuk tetapi tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

Di mana GDPR atau Akta Perlindungan Data United Kingdom 2018 adalah terpakai, jika kami memindahkan maklumat peribadi kepada penerima yang berpangkalan di suatu bidang kuasa di luar United Kingdom atau Kawasan Ekonomi Eropah yang tidak tertakhluk kepada suatu keputusan kecukupan Suruhanjaya Eropah (dalam erti kata lain, kelulusan rasmi untuk kami memindahkan maklumat peribadi kepada penerima tersebut), atau yang setaraf dengannya, kami akan, di mana boleh dilaksanakan, meletakkan peruntukan untuk klausa kontrak standard yang diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah (atau yang setaraf) untuk melindungi maklumat peribadi ini. Kami juga mungkin akan bergantung kepada mekanisme-mekanisme pemindahan lain yang dibenarkan seperti bergantung kepada "Peraturan Korporat Mengikat" pihak ketiga yang relevan (yang diluluskan oleh pihak berkuasa perlindungan data United Kingdom atau Kesatuan Eropah dan digunakan untuk melindungi maklumat peribadi anda). Kami mungkin akan bergantung kepada mekanisme-mekanisme pemindahan lain atau asas undang-undang yang tersedia untuk kami.

Penyimpanan

Worldpay akan menyimpan maklumat peribadi hanya selama ia diperlukan untuk tujuan-tujuan di mana kami menggunakan, mengikut dasar penyimpanan kami. Anda boleh memohon maklumat lebih lanjut mengenai berapa lama kami menyimpan maklumat peribadi anda dengan menghubungi kami seperti mana yang dinyatakan di bahagian "Hubungi Kami" di bawah.

Keselamatan

Worldpay berkomited kepada kerahsiaan dan keselamatan maklumat peribadi. Sistem-sistem dan kemudahan-kemudahan Worldpay di mana maklumat peribadi diproses adalah dilindungi oleh seni bina rangkaian selamat yang mengandungi firewall dan peranti pengesan pencerobohan.

Pilihan dan Hak

Individu boleh memohon butiran lebih lanjut mengenai penggunaan maklumat peribadi oleh Worldpay berdasarkan undang-undang tempatan berkenaan yang terpakai.

Di bawah GDPR dan Akta Perlindungan Data United Kingdom 2018 dan undang-undang perlindungan data tertentu yang lain, individu-individu adalah berhak:

- untuk memohon sesalinan maklumat peribadi mereka;
- untuk memohon kami membetulkan atau mengemaskini maklumat peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap;
- dalam keadaan yang tertentu, untuk menghendaki kami memadamkan maklumat peribadi mereka atau memindahkannya ke organisasi lain, atau untuk menyekat (iaitu menghentikan buat sementara waktu atau selamanya) semua atau sebahagian daripada penggunaan maklumat peribadi mereka oleh kami;

- untuk membantah pemprosesan maklumat peribadi bagi tujuan pemasaran langsung;
- untuk memohon maklumat lanjut mengenai ujian pengimbangan kepentingan sah kami, di mana ini adalah asas kami yang sah di sisi undang-undang;
- di mana berkenaan, untuk membantah penggunaan maklumat peribadi mereka apabila ianya berdasarkan kepentingan sah kami atau pihak ketiga;
- di mana berkenaan, untuk menarik persetujuan di mana kami telah meminta untuk memproses maklumat peribadi;
- di mana berkenaan, untuk tidak tertakhlik kepada suatu keputusan yang berdasarkan keputusan automatik semata-mata, termasuk pemprofailan, di mana keputusan tersebut akan mempunyai kesan di bawah undang-undang kepada seseorang individu atau menghasilkan kesan ketara yang sama; dan
- untuk memohon sesalinan perlindungan yang kami gunakan untuk pemindahan data peribadi mereka kepada penerima yang berpangkalan di luar United Kingdom atau Kawasan Eropah.

Walau bagaimanapun, hak-hak ini mungkin terhad, misalnya, jika memenuhi sesuatu permintaan akan mendedahkan maklumat peribadi seseorang individu lain, atau jika pemprosesan itu diwajibkan oleh undang-undang atau kepentingan sah yang lain.

Untuk melaksanakan pilihan atau hak mereka, individu-individu harus menghubungi [Pejabat Privasi](#) FIS.

Aduan (UK dan EU) Berdasarkan Akta Perlindungan Data GDPR dan Akta Perlindungan Data United Kingdom 2018, individu-individu mempunyai hak untuk mengadu kepada pihak berkuasa perlindungan data di United Kingdom atau Negara Anggota Kesatuan Eropah di mana mereka tinggal, tempat mereka bekerja atau tempat di mana didakwa berlakunya pelanggaran undang-undang perlindungan data.

Pautan ke laman web pihak ketiga

Laman dan Perkhidmatan kami mungkin, dari semasa ke semasa, mengandungi pautan ke dan dari laman web atau perkhidmatan pedagang, rangkaian rakan kongsi, pengiklan dan syarikat-syarikat gabungan. Sekiranya anda mengikuti pautan ke mana-mana laman web ini, sila maklum bahawa laman-laman web atau perkhidmatan-perkhidmatan ini mungkin mempunyai dasar privasi mereka sendiri dan kami tidak akan menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti untuk polisi-polisi ini, dan kami juga tidak mengendors laman-laman web atau perkhidmatan-perkhidmatan ini. Kami menasihatkan agar anda memeriksa sebarang syarat yang relevan sebelum anda menghantar maklumat peribadi kepada pihak-pihak ketiga ini.

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI DI ARGENTINA

Pemilik data peribadi adalah berhak untuk mengakses data tersebut secara percuma pada selang waktu tidak kurang dari enam bulan. Jangka waktu enam bulan tersebut mungkin akan lebih pendek jika kepentingan yang sah telah dibuktikan , sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 3 artikel 14 Undang-Undang Nbr. 25,536.

Agensi Akses Maklumat Awam ("**Agencia de Acceso a la Información Pública**"), yang merupakan pihak berkuasa yang kompeten berdasarkan Undang-Undang 25,326 mempunyai kuasa untuk menangani aduan dan tuntutan yang diajukan berkaitan dengan ketidakpatuhan syarat-syarat perlindungan data peribadi.

Maklumat untuk menghubungi "Agencia de Acceso a la Información Pública" adalah berikut:

Alamat: Av. Pte. Gral. Julio A. Roca 710, 3rd floor - Autonomous City of Buenos Aires

Poskod: C1067ABP

E-mel: info@aaip.gob.ar

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI DI MALAYSIA

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”), Worldpay boleh:

- a. Mengenakan bayaran pentadbiran (“administrative fee”) untuk memproses permohonan subjek data untuk mengakses maklumat peribadi; dan
- b. Menolak sesuatu permohonan oleh subjek data untuk mengakses atau membetulkan maklumat peribadi.

Worldpay akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi ini untuk menjaga keselamatan sebarang maklumat peribadi yang dipindahkan ke luar Malaysia bagi menjamin pematuhan kepada PDPA.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan di antara versi Bahasa Inggeris dan mana-mana terjemahan lain untuk Notis Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Perubahan pada Notis ini

Pada bila-bila masa apabila Notis ini dikemaskini atau diubah, versi yang terkini akan diposkan di bahagian Privasi Worldpay di fisglobal.com.

Hubungi Kami

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan pemprosesan maklumat peribadi anda oleh Worldpay, sila hantarkan pertanyaan anda kepada:

Ketua Pegawai Privasi (*Chief Privacy Officer*)

FIS

601 Riverside Avenue
Jacksonville, FL 32204

privacyoffice@fisglobal.com

Sekiranya anda berpangkalan di Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) atau Switzerland, anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Worldpay di alamat berikut:

Pegawai Perlindungan Data (*Data Protection Officer*)

FIS

25 Canada Square, Canary Wharf
London E14 5LQ
United Kingdom

data.protection@fisglobal.com

LAMPIRAN

Mengapa Worldpay memproses maklumat peribadi

Kami mengumpul, menggunakan dan menyimpan maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Kami juga berkemungkinan akan menggunakan maklumat peribadi anda di mana ianya tidak akan bercanggah dengan tujuan asal pemerolehannya, dan untuk tujuan lain yang kami maklumkan secara spesifik kepada anda.

Dalam sesetengah kes, di mana anda diminta untuk memberikan maklumat peribadi anda atas sebab kewajipan undang-undang atau tanggungjawab kontrak, kegagalan anda untuk memberikan maklumat dalam keadaan-keadaan seperti ini akan mengakibatkan kami tidak dapat memenuhi hubungan kami dengan anda.

Tujuan Pemrosesan	Alasan undang-undang untuk penggunaan
<p>Merancang, menilai, menanda aras, dan mentadbir:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penawaran produk dan perkhidmatan Worldpay dan kesesuaianya dengan pedagang, atau pelanggan tertentu. Program kepelbagaian, termasuk pematuhan dengan objektif kepelbagaian Program pengiktirafan dan ganjaran terkawal Worldpay untuk pedagang kami atau pelanggan lain Program pendidikan, latihan, dan kesedaran untuk pedagang kami atau pelanggan lain Kempen penjualan dan pemasaran Tawaran produk dan perkhidmatan, dan kontrak Akaun belum terima, akaun belum bayar, hutang lapuk dan rizab; akaun bank untuk pembayaran dan penerimaan 	<p>Worldpay bergantung kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Persetujuan untuk menghantar bahan promosi (jika diperlukan); Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi dan mennguatkuasakan haknya atau untuk menghantar bahan promosi; Kepentingan sah Worldpay dalam membangunkan dan menambahbaikan produk dan perkhidmatannya; dan Keperluan untuk memproses data peribadi untuk menyediakan produk atau perkhidmatan yang diminta atau untuk memenuhi kontrak.
<p>Mengumpul, menyelenggara, dan menyebarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tugasan kerja khusus pelanggan untuk penjualan, pemasaran, dan koleksi Direktori pelanggan Maklumat hubungan kecemasan untuk pedagang atau pelanggan lain Kelayakan pengenalan/pastian identiti Penyimpanan rekod dan pelaporan dalaman, termasuk pelaporan risiko kredit dan kewangan 	<p>Worldpay bergantung kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kepentingan sah Worldpay dalam pentadbiran perniagaannya atau dalam memenuhi keperluan-keperluan untuk menyimpan rekod dalaman di negara-negara bukan UK, Kesatuan Eropah (EU) atau negara-negara anggota EU; Kewajiban undang-undang Worldpay di bawah undang-undang cukai, audit atau peraturan-peraturan UK, EU atau Negara

Tujuan Pemprosesan	Alasan undang-undang untuk penggunaan
	<p>Menyediakan laporan dan analitik kepada pedagang kami atau pelanggan lain</p> <ul style="list-style-type: none"> Anggota EU untuk mengekalkan rekod dalaman; dan Kepentingan sah Worldpay dalam membantu pedagang atau pelanggan lain memahami transaksi mereka, atau kewajiban kontrak untuk membekalkan maklumat ini.
<p>Menyokong, memantau, mengaudit, melaksanakan, dan memudahkan:</p>	<p>Persidangan perniagaan dan pelancongan</p> <p>Rundingan dan transaksi perniagaan (termasuk due diligence)</p> <p>Operasi perniagaan, termasuk penghantaran bil kepada pelanggan</p> <p>Aktiviti peralihan perniagaan, termasuk penggabungan, pengambilalihan, dan pelupusan</p> <p>Usaha-usaha pemasaran syarikat, termasuk laman web, persidangan, risalah, dan acara-acara media promosi dan bahan promosi lain</p> <p>Pematuhan dengan kewajipan kontraktual; perkhidmatan pelanggan dan sokongan atau pengurusan akaun</p> <p>Pengenalpastian identiti untuk keselamatan dan pengesahan sistem/kemudahan</p> <p>Komunikasi perniagaan dalaman dan luaran dan laporan pengurusan</p> <p>Worldpay bergantung kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Persetujuan; Kepentingan sah Worldpay dalam pentadbiran perniagaannya; dan Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi integriti perkhidmatan, kemudahan dan sistem Worldpay. Kepentingan sah Worldpay dalam menyimpan rekod untuk tujuan perniagaan, menjamin keselamatan di kemudahan-kemudahan dan sistem-sistemnya, dan menastikan maklumat hubungan pedagang atau pelanggan lain adalah sedia ada untuk pekerja yang relevan; Kepentingan sah Worldpay dalam mempromosikan, membangunkan, dan menambahbaikkan produk dan perkhidmatan; dan Keperluan untuk memproses data peribadi untuk menyediakan produk atau perkhidmatan yang diminta, atau untuk memenuhi sesuatu kontrak.
<p>Mematuhi:</p>	<p>Undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan yang terpakai serta keperluan-keperluan industri yang diperuntukkan, termasuk kewajiban pelaporan dan pendedahan.</p> <p>Worldpay bergantung kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kewajipan undang-undang untuk memproses maklumat peribadi di bawah undang-undang UK, EU atau Negara Anggota EU; Kepentingan sah Worldpay untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan negara-negara bukan UK, EU, atau Negara Anggota EU, atau keperluan-keperluan industri (misalnya skema kad atau Industri Kad Pembayaran); dan Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi dan menguatkuasakan haknya.

Tujuan Pemprosesan		Alasan undang-undang untuk penggunaan
Menjalankan:	Audit dan analisis perakaunan, kewangan dan ekonomi (termasuk untuk menilai risiko kewangan dan insurans)	Worldpay bergantung kepada:
	Selaras dengan undang-undang tempatan, penyiasatan terhadap tuduhanpelanggaran polisi atau pelanggaran kontrak oleh pedagang atau pelanggan lain	<ul style="list-style-type: none"> Kewajiban undang-undang di bawah undang-undang audit, cukai atau peraturan-peraturan UK, EU atau Negara Anggota EU. Kepentingan sah Worldpay dalam memenuhi syarat-syarat audit, cukai atau peraturan-peraturan negara-negara bukan UK, EU atau Negara Anggota EU. Kepentingan sah Worldpay dalam menganalisis prestasi, memahami pilihan pedagang Worldpay atau pilihan pelanggan lain; Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi integriti Laman dan Perkhidmatan, operasi, kemudahan dan sistem Worldpay; dan Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi haknya.
	Tinjauan pendapat dan penglibatan	
Melindungi:	Keselamatan aset Worldpay, dengan pelaksanaan pengesahan identiti dan langkah-langkah keselamatan lain, kawalan akses ke tempat kerja dan sistem Worldpay dan pelanggan, pemantauan aktiviti di lokasi kerja Worldpay, dan pelaksanaan prosedur sandaran dan penyimpanan	Worldpay bergantung kepada: <ul style="list-style-type: none"> Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi haknya, integriti perkhidmatan, operasi, kemudahan dan sistem Worldpay, dan mencegah penipuan atau penyalahgunaan perkhidmatan Worldpay.
Mencegah, mengesan dan membantu dalam pencegahan, pengesanan atau pendakwaan :	Jenayah, termasuk penipuan, kesalahan sanksi dan pengubahan wang haram	Worldpay bergantung kepada: <ul style="list-style-type: none"> Kewajipan undang-undang Worldpay berdasarkan undang-undang UK, EU atau Negara Anggota EU; Kepentingan sah Worldpay dalam melakukan sanksi dan pemeriksaan pencegahan pengubahan wang haram, dan memenuhi syarat undang-undang atau peraturan-peraturan negara-negara bukan UK, EU atau Negara Anggota EU; dan Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi dan mennguatkuasakan haknya dan harta bendanya.
Memantau, mengaudit, mengkaji: dan	Komunikasi dan maklumat dalam sistem-sistem syarikat, termasuk penggunaan e-mel dan laman web	Worldpay bergantung kepada:

Tujuan Pemprosesan	Alasan undang-undang untuk penggunaan	
	<p>Pematuhan dengan polisi-polisi, prosedur-prosedur, dan proses-proses syarikat</p> <p>Aktiviti di lokasi kerja syarikat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi integriti perkhidmatan Worldpay; dan • Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi dan menguatkuasakan haknya, melindungi integriti perkhidmatan, operasi, kemudahan dan sistem, dan kakitangan Worldpay, dan mencegah penipuan atau penyalahgunaan perkhidmatan Worldpay.
Membuat persiapan untuk, mempertahankan, mengambil bahagian dalam atau bertindak balas terhadap:	<p>Permintaan maklumat melalui e-penemuan</p> <p>Litigasi atau potensi litigasi dan lain-lain jenis penyelesaian pertikaian (termasuk aduan)</p>	<p>Worldpay bergantung kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kewajipan undang-undang untuk mengambil bahagian dalam proses undang-undang atau aduan di bawah undang-undang UK, EU atau Negara Anggota EU; • Kepentingan sah Worldpay untuk mengambil bahagian dalam proses undang-undang atau aduan di bawah undang-undang, peraturan-peraturan atau keperluan-keperluan industri di negara-negara bukan UK, EU atau Negara Anggota EU; dan • Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi dan menguatkuasakan haknya.
Berkomunikasi dengan dan berkongsi maklumat dengan syarikat-syarikat FIS atau bakal pembeli atau pembeli sebenar syarikat-syarikat FIS atau perniagaan-perniagaan FIS untuk:	Tujuan-tujuan pengurusan dalaman dan pengurusan perniagaan dan perancangan	Worldpay bergantung kepada: <ul style="list-style-type: none"> • Kewajiban undang-undang yang berkaitan dengan keperluan-keperluan audit, cukai, atau kepatuhan berdasarkan undang-undang UK, EU atau Negara Anggota EU; dan • Kepentingan sah Worldpay untuk menstrukturkan perniagaannya dengan sewajarnya dan memenuhi syarat-syarat negara-negara bukan UK, EU atau Negara Anggota EU yang berkaitan dengan audit, cukai, atau pematuhan.
Pemprosesan dan pentadbiran:	<p>Cukai dan penahanan-penahanan lain yang diwajibkan</p> <p>Bayaran balik untuk perjalanan perniagaan dan perbelanjaan perniagaan lain yang boleh dibayar balik</p> <p>Invois, pembayaran, baki tunai, dan perakaunan</p>	Worldpay bergantung kepada: <ul style="list-style-type: none"> • Kewajipan untuk menyimpan rekod undang-undang dan membuat laporan undang-undang di bawah undang-undang UK, EU atau Negara Anggota EU; • Kepentingan sah Worldpay dalam melindungi haknya dan memenuhi keperluan-keperluan negara-negara

Tujuan Pemprosesan	Alasan undang-undang untuk penggunaan
	<p>bukan UK, EU atau Negara Anggota EU untuk menyimpan rekod dan membuat laporan; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan untuk memproses data peribadi untuk memenuhi tanggungjawab kontrak.

Kategori-kategori data

Berkenaan dengan subjek data yang data perbadinya diproses oleh Worldpay untuk tujuan pengumpulan akaun belum terima, pemprosesan akaun belum bayar, penjualan, pemasaran, dan tujuan pengurusan hubungan penjual dan pelanggan, pemprosesan tersebut mungkin melibatkan kategori-kategori data berikut.

Kategori data	Contoh
Nasihat, pendapat, dan komen lain	Tinjauan penglibatan, temuduga keluar.
Maklumat bank dan kewangan	Bayaran balik pembayaran dan / atau perbelanjaan; maklumat perbankan deposit langsung, maklumat kad kredit, maklumat penjelasan wayar, nombor akaun bank dan kod urutan, butiran invois, dan maklumat pembayaran.
Data perjalanan dan pergerakan perniagaan	Data perjalanan, termasuk jadual perjalanan, penginapan, pengangkutan, makanan, dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.
Data rungutan	Aduan, data tribunal
Maklumat yang direkodkan pada atau dalam sistem syarikat, peralatan, atau dokumen	E-mel, pesanan teks, penggunaan laman web, rakaman mel suara, catatan kalender atau buku harian, surat-menyurat, termasuk Maklumat Peribadi yang terkandung dalam atau pada sistem syarikat, peralatan, atau dokumen-dokumen oleh Subjek Data.
Rekod-rekod Akses	Tarikh, waktu, dan lokasi masuk dan keluar dari kemudahan-kemudahan dan sistem-sistem terkawal, jejak audit log masuk / keluar dari komputer dan sistem.
Data organisasi	Nama, struktur syarikat, carta organisasi, hubungan pelaporan, jawatan, maklumat hubungan kerja, e-mel, butiran kod perakaunan.
Maklumat peribadi dan maklumat hubungan	Nama, jantina, tarikh lahir, alamat rumah dan perniagaan, nombor telefon, e-mel, nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak syarikat, tandatangan, tulisan tangan.
Foto, video, atau rakaman audio	Maklumat yang dikumpul oleh sistem-sistem keselamatan, televisyen litar tertutup, gambar profil, mel suara, latihan yang dirakam, persidangan, atau bahan-bahan pemasaran.
Laporan pertikaian, keingkaran, atau pelanggaran polisi	Rekod laporan lisan, bertulis, e-mel, telefon atau laporan-laporan yang seumpamanya yang berkenaan dengan salah laku kakitangan yang didakwa dan disahkan, isu-isu kontrak, keingkaran dalam pembayaran, audit, atau pelanggaran polisi syarikat.
Butir-butir bakat, pendidikan, dan latihan	Pendidikan, kemahiran, pengalaman kerja, pekerjaan sebelumnya, latihan, kemahiran bahasa, kemahiran teknikal, latar belakang pendidikan, sijil profesional dan pendaftaran profesional, keanggotaan dalam badan profesional dan organisasi.

Data jadual kerja	Masa kerja yang dijadualkan dan masa kerja sebenar.
Data keselamatan tempat kerja	Laporan, gambar foto, rakaman video.

Data sensitif

Di beberapa bidang kuasa, data peribadi yang dianggap "data peribadi sensitif" atau "kategori data khusus", di bawah undang-undang yang diperuntukkan mungkin dikenakan perlindungan dan batasan penggunaan yang lebih ketat berbanding dengan data peribadi lain. Apa yang dianggap "Data peribadi Sensitif" adalah berbeza mengikut negara-negara, tetapi secara amnya merangkumi maklumat yang berkaitan dengan kehidupan seks seseorang atau orientasi seksual, asal perkauman atau etnik, kesalanahan jenayah yang didakwa atau yang sebenar, kesihatan atau keadaan fizikal atau mental, keahlian kesatuan sekerja, pendapat politik, kepercayaan agama, atau data genetik.